

25/09/1998

Parlimen bincang kawalan mata wang

KUALA LUMPUR, Khamis - Parlimen akan mengadakan persidangan khas selama tiga hari mulai Selasa ini bagi membahaskan lima rang undang-undang berkaitan kawalan mata wang.

Empat rang undang-undang berkenaan dikemukakan Kementerian Kewangan, iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat)(Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998.

Satu lagi rang undang-undang ialah Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No 2) 1998 yang dikemukakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Difahamkan, pindaan Akta Syarikat itu bertindak sebagai sokongan kepada pindaan empat akta lain itu.

Persidangan khas Parlimen itu terpaksa diadakan bagi mempercepatkan kelulusan beberapa langkah kerajaan untuk mengawal tukaran mata wang, yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Zahir Ismail, berkata ini adalah kali pertama dalam sejarah negara, Parlimen mengadakan persidangan secara tergepar dan mesyuarat khas itu dipanggil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir sendiri.

"Saya sudahpun menandatangani notis memanggil mesyuarat supaya bersidang pada minggu depan," katanya ketika dihubungi di Terengganu, petang ini.

(END)